

**GARIS PANDUAN BAGI KELULUSAN
KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967 (ACP) BAGI
INSTITUSI/ORGANISASI/TABUNG**

**BAHAGIAN KELULUSAN DAN PEMANTAUAN
JABATAN DASAR PERCUKAIAN**

KANDUNGAN

01 BAHAGIAN A

1. Pendahuluan
2. Institusi Atau Organisasi Atau Tabung Yang Layak Memohon
3. Kriteria Kelayakan Institusi Atau Organisasi Atau Tabung
4. Prosedur Permohonan Kelulusan

02 BAHAGIAN B

1. Had Tempoh Masa Kelulusan
2. Permohonan Lanjutan Tempoh Kelulusan


03 BAHAGIAN C

1. Punca Kuasa KPHDN Ke Atas Kelulusan serta Pengenaan Syarat dan Larangan Kelulusan
2. Layanan Cukai Ke Atas Penderma
3. Peringatan Penting



BAHAGIAN A

PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP



1. PENDAHULUAN

1.1 Tujuan Garis Panduan

Garis panduan ini menggariskan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan Institusi, Organisasi atau Tabung (IOT) yang beroperasi atau dijalankan bukan berasaskan keuntungan.

Garis panduan ini terpakai kepada IOT yang telah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) dan panduan kepada pihak lain yang berkait dan bersangkutan.





Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2024.

1.3 Penerangan Garis Panduan



Jenis-jenis IOT yang layak untuk memohon kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP;



Syarat-syarat pematuhan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP;



Tempoh masa kelulusan dan lanjutan tempoh di bawah subseksyen 44(6) ACP;



Kriteria kelayakan IOT bagi permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP;



Larangan ke atas IOT dalam tempoh kelulusan berkuat kuasa;



Punca kuasa KPHDN ke atas kelulusan dan pengenaan syarat-syarat serta larangan kelulusan; dan



Prosedur permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP;



Implikasi dan akibat pelanggaran syarat-syarat kelulusan;



Layanan cukai ke atas pemberi sumbangan/penderma.

1.4 Pemakaian Garis Panduan

Pemakaian Garis Panduan ini **tidak terpakai** kepada **permohonan** berkaitan;

Garis Panduan
yang berasingan
boleh dirujuk dan
diakses melalui
www.hasil.gov.my

Rumah Ibadat (*Pengurusan/Pembinaan/Pembelian*)




Sekolah (*Pembinaan/Pembelian*)



IOT yang mempunyai objektif Pendidikan termasuk
Program Pendidikan Sukan





2. KRITERIA IOT LAYAK MEMOHON

2.1 Penubuhan IOT

IOT ditubuhkan di Malaysia dengan mana-mana pendaftar berikut :

01



sebuah syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) di bawah Akta Syarikat 1965/2016 (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) yang mempunyai lesen 24(1)&24(3) Akta Syarikat 1965 atau 45(3)&45(5) Akta Syarikat 2016 dan kelulusan Menteri untuk membuat kutipan wang daripada awam;

02



sebuah pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia);

03



sebuah pertubuhan perbadanan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri); atau

04



mana-mana badan pendaftar lain yang diiktiraf atau undang-undang bertulis di Malaysia.

05



TABUNG : pengasas tabung mestilah berdaftar dengan mana-mana badan pendaftar seperti senarai di atas.

2.2 Takrifan dan Aktiviti Layak – Subseksyen 44(7) ACP

INSTITUSI di Malaysia yang bukan beroperasi atau dijalankan untuk mencari keuntungan semata-mata:

01

Hospital;



02



Institusi awam atau institusi amal / kebajikan;

03

Universiti atau institusi pendidikan lain;



04



Pihak berkuasa awam/ persatuan yang menjalankan penyelidikan & kegiatan mencari punca penyakit, pencegahan / pengubatan penyakit manusia;

05

Institusi bantuan Kerajaan yang menjalankan penyelidikan sosio-ekonomi; atau



06



Institusi latihan teknikal atau vokasional.

2.2 Takrifan dan Aktiviti Layak – Subseksyen 44(7) ACP

Organisasi di Malaysia yang bukan beroperasi atau dijalankan untuk mencari keuntungan semata-mata:



44(7)(a) - sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambahkan satu dana awam atau swasta yang ditubuh atau dipegang hanya bagi penubuhan, pembesaran atau penambahbaikan bagi sebuah institusi atau hanya untuk pemberian suatu biasiswa, pameran atau hadiah untuk individu bagi kerja-kerja pendidikan atau kerja-kerja penyelidikan dalam sebuah institusi di Malaysia;



44(7)(aa) - sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambah dana awam atau swasta yang ditubuh atau dipegang hanya bagi tujuan untuk melaksanakan objektif di mana institusi itu beroperasi atau dijalankan;



44(7)(b) - sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambahkan dana awam atau tabung ditubuh atau dipegang hanya bagi tujuan untuk meringankan kesusahan di kalangan warganegara Malaysia;



44(7)(c) - sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambah dana awam ditubuh atau dipegang hanya bagi tujuan keagamaan atau memajukan agama dan dana itu digunakan untuk atau pembinaan, penambahbaikan, pembelian atau penyenggaraan bangunan atau untuk menyediakan kemudahan untuk melaksanakan aktiviti berkaitan tujuan itu; atau untuk menyediakan pengurusan bagi aktiviti berkaitan tujuan itu;

2.2 Takrifan dan Aktiviti Layak – Subseksyen 44(7) ACP

Organisasi di Malaysia yang bukan beroperasi atau dijalankan untuk mencari keuntungan semata-mata:



44(7)(d) - sebuah organisasi yang menyenggara atau membantu menyenggara sebuah zoo, muzium, galeri seni atau usaha yang serupa atau yang terlibat dalam sesuatu atau berkaitan dengan promosi kebudayaan atau kesenian;



44(7)(e) - sebuah organisasi yang ditubuhkan khusus untuk pemuliharaan atau perlindungan haiwan;



44(7)(f) - sebuah organisasi yang dibantu oleh Kerajaan melalui pemberian geran dan kepakaran, yang terlibat hanya bagi menangani masalah berkaitan pembangunan industri dan komersial serta menggalakkan dan meningkatkan hubungan antara sektor awam dan sektor swasta;



44(7)(g) - sebuah organisasi yang dibantu oleh Kerajaan semata-mata untuk mentadbir serta menambahkan suatu dana untuk menggalakkan perpaduan negara;



44(7)(h) - sebuah organisasi yang ditubuhkan khusus untuk pemuliharaan atau perlindungan alam sekitar;

2.2 Takrifan dan Aktiviti Layak – Subseksyen 44(7) ACP

Organisasi di Malaysia yang bukan beroperasi atau dijalankan untuk mencari keuntungan semata-mata:



44(7)(i) - sebuah organisasi antarabangsa seperti ditakrifkan di bawah Akta Organisasi Antarabangsa (Keutamaan dan Imuniti) 1992 [Akta 485] yang menjalankan aktiviti amal/khairat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan;



S44(7)(j) - sebuah organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan semata-mata untuk mentadbir dan menambah dana yang ditubuhkan atau dipegang bagi tujuan melaksanakan projek ke arah pembudayaan komuniti dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang diluluskan oleh Menteri Kewangan; atau




44(7)(k) - dana amal/kebajikan atau akaun amanah yang ditubuhkan atau dipegang hanya bagi tujuan menyediakan bantuan kepada individu yang tidak, atau kurang berkemampuan, atau dalam hal individu tanggungan orang yang ibu bapa atau penjaganya tidak, atau kurang berkemampuan, untuk membayar kos rawatan yang diperlukan oleh individu tersebut untuk merawat penyakit serius sebagaimana yang dimaksudkan di bawah seksyen 2 ACP.

2.2 Takrifan dan Aktiviti Layak

Tabung di Malaysia yang tidak ditubuhkan atau diadakan untuk mencari keuntungan semata-mata:

Satu tabung yang ditadbir dan ditambahkan dana oleh institusi atau organisasi di **Malaysia** bagi tujuan **semata-mata untuk melaksanakan objektif tabung itu ditubuhkan atau dipegang dan tabung itu tidak ditubuhkan atau diadakan untuk keuntungan.**





3. KRITERIA KELAYAKAN IOT

3.1 Objektif Penubuhan IOT

Bukan bertujuan untuk mencari keuntungan semata-mata dan perlu menyatakan objektifnya dengan jelas dalam perlembagaan, memorandum penubuhan atau peraturan tabung.

PENUBUHAN TABUNG

Alternatif kepada institusi atau organisasi yang tidak layak dipertimbangkan kelulusan KPHDN disebabkan objektif institusi atau organisasi yang umum, luas dan pelbagai.

Kewujudan tabung perlu dinyatakan di dalam perlembagaan / surat ikatan bagi institusi atau organisasi yang layak.

01

02

Mesti menjalankan aktiviti selari dengan objektif yang dinyatakan dalam perlembagaan atau memorandum penubuhan atau peraturan tabung. **Aktiviti yang layak adalah merujuk subseksyen 44(7) ACP.**

03

04

Bukan menjadi platform atau wakil kepada IOT yang lain bagi tujuan mengutip dana atau menyalurkan dana.

3.2 Pengertian Bukan Mencari Keuntungan Semata-Mata



Tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang menjurus kepada perdagangan, perniagaan dan kepentingan pihak tertentu yang lain.

01

02



Sekurang-kurangnya **50% atau 60%** (bergantung kepada peratus penggunaan dana untuk perniagaan) daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif IOT.

03

Khidmat atau manfaat terbuka kepada **rakyat Malaysia** tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Khidmat atau manfaat ini diberikan secara percuma atau tanpa sebarang balasan/syarat.



3.2 Pengertian Bukan Mencari Keuntungan Semata-Mata



Khidmat atau manfaat **tidak terhad** kepada sesuatu kumpulan sasaran berdasarkan keturunan, anutan agama, fahaman politik atau kawasan tertentu, tetapi cukup untuk mencapai populasi tertentu di kalangan rakyat Malaysia (*sufficient section of the public*).

04

05



Khidmat atau manfaat **tidak dinikmati** oleh pengasas, Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Ahli Lembaga Pengarah, ahli jawatankuasa (ALPA/ALP/AJK) atau mana-mana pihak yang mengendalikan IOT.

06



Khidmat atau manfaat **tidak dinikmati** oleh ahli keluarga atau mana-mana pihak yang berkepentingan dengan pengasas/ALPA/ALP/AJK atau mana-mana pihak yang mengendalikan IOT.

3.2 Pengertian Bukan Mencari Keuntungan Semata-Mata



Pengasas/ALPA/ALP/AJK atau mana-mana pihak yang mengendalikan IOT **tidak boleh** menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan tertentu melalui IOT yang diluluskan.

07

08



Pengasas/ALPA/ALP/AJK tidak boleh menerima manfaat atau saraan daripada IOT termasuk emolumen tetap dan mestilah dinyatakan dalam perlembagaan atau surat ikatan amanah atau peraturan tabung. Kelulusan boleh diberikan dalam keadaan ditetapkan sahaja.

09



Tindakan pembubaran atau menyerahkan balik status kelulusan KPHDN mestilah mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan di perenggan 1.13 Bahagian B garis panduan.

3.3 Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa (ALPA/ALP/AJK)

Komposisi ALPA/ALP/AJK bagi Institusi/Organisasi:

Lebih 50% ALPA/ALP/AJK terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai perkaitan dengan IOT atau pengasas. Perkaitan adalah termasuk dan tidak terhad kepada:



i. hubungan kekeluargaan seperti ibu-bapa, anak, adik beradik termasuk lain-lain hubungan kekeluargaan yang rapat;



ii. hubungan majikan dan pekerja;



iii. pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama;



iv. keahlian (ahli berdaftar) dalam institusi atau organisasi tersebut; atau



v. hubungan dengan institusi atau organisasi yang menubuhkan tabung (terpakai untuk tabung sahaja).

3.3 Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa (ALPA/ALP/AJK)

Komposisi ALPA/ALP/AJK bagi Institusi/Organisasi:



Syarat pelantikan ini terpakai kepada institusi atau organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Institusi atau Organisasi berdaftar dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), kesemua syarat terpakai, kecuali syarat keahlian di iv.



Institusi atau Organisasi berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), lantikan ALPA/ALP/AJK mestilah terdiri daripada ahli berdaftar dan mempunyai kuasa untuk mengundi

Pemilihan dan Pelantikan ALPA/ALP/AJK institusi atau organisasi mestilah sesuai dan tepat (*proper & fit*)

3.3 Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa (ALPA/ALP/AJK)

Komposisi AJK bagi Tabung:



3.4 Derma atau Hadiah Wang yang Layak Potongan Cukai



Syarat-Syarat Lain, Derma atau Hadiah Wang :



tidak tertakluk kepada syarat untuk dibayar balik;



bukan pemberian melalui sebarang skim pinjaman kewangan atau pun dikenakan faedah;



tidak tertakluk kepada sebarang syarat daripada pihak penderma atau penyumbang;



tidak tertakluk kepada urusan timbang balik atau pertukaran manfaat antara IOT dan penderma/penyumbang; dan



tiada sebarang perjanjian berkaitan penggunaan derma antara IOT dan penderma/penyumbang.

3.5 Tempoh Operasi IOT Layak Memohon



Institusi atau Organisasi telah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun (24 bulan) untuk memastikan:



- ❖ aktiviti yang dijalankan selari dengan objektif; dan
- ❖ Institusi dan organisasi telah berdaftar dengan badan pendaftar atau mana-mana undang bertulis.



Institusi atau Organisasi yang berhasrat menubuhkan tabung juga tertakluk kepada syarat di atas.

3.6 Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai

Nombor pengenalan cukai pendapatan perlu didaftar di Pejabat HASiL yang berdekatan atau melalui aplikasi e-Daftar dalam sistem MyTax



PERTUBUHAN

F



**SYARIKAT BERHAD
MENURUT JAMINAN**

C



BADAN AMANAH

TA



The diagram features a central yellow circle containing the text '4. PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN'. To the left and right of this central circle are two dark blue circles. The left circle contains a white atomic symbol, and the right circle contains a white basketball symbol. Four curved gray arrows connect these two outer circles in a clockwise cycle: one from the top of the left circle to the top of the right circle, one from the top of the right circle to the bottom of the right circle, one from the bottom of the right circle to the bottom of the left circle, and one from the bottom of the left circle to the top of the left circle. Additionally, there are two light gray circles positioned between the central yellow circle and the two outer dark blue circles, one on each side.

4. PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN

4.1 Orang Yang Layak Mengemukakan Permohonan

01

Presiden, Pengerusi,
Pengarah, Setiausaha IOT;




02

Wakil/ejen cukai yang dilantik secara sah. Surat lantikan wakil/ejen cukai mestilah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan; atau


03

Wakil yang dilantik secara sah. Surat lantikan wakil mestilah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan.

4.2 Kaedah Permohonan



Permohonan hendaklah menggunakan borang yang disediakan seperti di pautan <https://www.hasil.gov.my/institusiorganisasitabung-bukan-berasaskan-keuntungan/info-permohonan/borang-permohonan/> beserta dokumen sokongan yang terkini merujuk senarai semak mengikut jenis pendaftaran IOT.




4.3 Senarai Dokumen Sokongan

Permohonan hendaklah dikemukakan bersama dokumen-dokumen seperti yang disenaraikan dalam senarai semak dokumen mengikut jenis pendaftaran IOT.

Jenis Pendaftaran IOT	Lampiran
Berdaftar dengan SSM	Lampiran A-1
Berdaftar dengan JPPM	Lampiran A-2
Berdaftar dengan BHEUU / Lain-lain badan pendaftar / Undang-undang bertulis	Lampiran A-3
Tabung	Lampiran A-4

4.4 Dokumen Tambahan Lain

Bagi institusi atau organisasi (tidak termasuk tabung) yang mempunyai **pusat jagaan warga emas, anak yatim dan seumpunya**, dokumen tambahan lain berkenaan perlu dikemukakan.



Sijil pendaftaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat;



Senarai nama penghuni, penjaga atau waris;



Latar belakang pusat jagaan; dan



Senarai aktiviti harian/tahunan yang dijalankan oleh pusat jagaan.

4.5 Pengesahan & Perakuan Permohonan



Pemohon perlu **mengisi, mengesahkan dan memperakui** penghantaran dokumen seperti di senarai semak semasa membuat permohonan.

KEGAGALAN mengemukakan dokumen yang lengkap akan menyebabkan **PERMOHONAN TIDAK AKAN DIPROSES**

4.6 Pengemukakan Permohonan Lengkap



Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Dasar Percukaian
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor

4.7 Surat Kelulusan KPHDN

Permohonan yang diluluskan oleh KPHDN akan menerima satu surat kelulusan yang mengandungi maklumat berikut:



4.8 Kelulusan Format Resit Rasmi Derma

Draf format resit rasmi IOT perlu dikemukakan untuk KPHDN yang mengandungi maklumat berikut:

1

Menggunakan Bahasa Melayu atau dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris);

2

Nama dan alamat IOT;

3

Nombor siri resit rasmi yang bercetak (preprinted) dan unik;

4

Tarikh resit;

5

Nama penderma berserta dengan nombor kad pengenalan, nombor pasport dan nombor pendaftaran perniagaan dan alamat surat menyurat penderma;

4.8 Kelulusan Format Resit Rasmi Derma - sambungan

Draf format resit rasmi IOT perlu dikemukakan untuk KPHDN yang mengandungi maklumat berikut:

6

Amaun yang didermakan;

8

Catatan berikut di bahagian bawah sebelah kiri resit/ruang yang boleh dilihat dengan jelas

"Potongan Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967:
No. Rujukan: LHDN.01/35/42/51/179-6.XXX
Tempoh kuat kuasa: hh/bb/tttt hingga hh/bb/tttt"

7

Jawatan pemungut (collector) seperti Presiden atau Bendahari; dan


9

Penggunaan resit eletronik atau e-Resit perlu mendapatkan kelulusan dan kebenaran KPHDN



BAHAGIAN B

**HAD TEMPOH MASA KELULUSAN DAN
LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN**





Tempoh kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(6) ACP kepada IOT boleh diberi **sehingga 5 tahun**.





The diagram features a central yellow circle containing the text "2. LANJUTAN TEMPORAL KELULUSAN KPHDN". To the left of this circle is a dark blue circle with a white atomic symbol icon. To the right is another dark blue circle with a white basketball icon. Four curved gray arrows connect these elements in a clockwise cycle: from the left circle to the top, from the top to the right circle, from the right circle to the bottom, and from the bottom back to the left circle. The background is white with abstract blue and purple geometric shapes in the corners.

2. LANJUTAN TEMPORAL KELULUSAN KPHDN



01

Permohonan secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada KPHDN.

02

Permohonan boleh dikemukakan dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan sedia ada.

03


Pertimbangan oleh KPHDN akan diberi berdasarkan semakan rekod pematuhan syarat kelulusan dan dokumen sokongan lengkap.




BAHAGIAN C

LAYANAN PENCUKAIAN

1. PUNCA KUASA KPHDN



```
graph LR; A((Atom)) --> B((Basketball)); B --> C((Central)); C --> A;
```



Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab IOT seperti dalam Garis Panduan tidak menghadkan atau menjejaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP 1967 berkenaan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

1



2


Syarat-syarat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 hendaklah sentiasa dipatuhi oleh IOT dari semasa ke semasa.



3

Garis Panduan yang diterbitkan adalah terpakai kepada semua IOT mulai kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 atau Ordinan Cukai Pendapatan 1947 berkuat kuasa tanpa mengambil kira tarikh kelulusan.

2. LAYANAN CUKAI



```
graph LR; A((Atom)) --> B((2. LAYANAN CUKAI)); B --> C((Basketball)); C --> A;
```

Hanya sumbangan **berbentuk tunai** kepada IOT yang diluluskan oleh KPHDN dan disokong dengan **resit rasmi**, layak mendapat tolakan dalam pengiraan pendapatan agregat.

Sumbangan **berbentuk barangan** masih boleh **diterima** oleh IOT, namun **resit tolakan cukai tidak layak dikeluarkan** kepada penyumbang.



Jenis-jenis pelepasan;

❖ **Potongan 100% atas amaun derma dan sumbangan** kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan disokong dengan Resit Kewangan 38 atau JBN41 atau T69.

❖ **Potongan terhad 10% daripada pendapatan agregat** bagi derma dan sumbangan kepada IOT yang diluluskan dan disokong dengan resit rasmi.

Potongan cukai yang dinikmati oleh penderma tidak akan terkesan sekiranya IOT dikenakan cukai atau kelulusan ditarik balik. Namun ketetapan ini adalah tertakluk kepada kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP 1967.

3. PERINGATAN PENTING





Mulai tahun taksiran 2024, sekiranya IOT melanggar mana - mana syarat kelulusan, IOT akan dikenakan cukai bagi tahun taksiran yang mana perlanggaran syarat berlaku walaupun dalam tempoh kelulusan masih berkuatkuasa di bawah peruntukan subsubperenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP.





TERIMA KASIH

**BAHAGIAN KELULUSAN DAN PEMANTAUAN
JABATAN DASAR PERCUKAIAN**